

# KERATAN AKHBAR

## Operasi Taska Genius Perpaduan dibuka berperingkat



Taska Genius Perpaduan memulakan operasi secara berperingkat bermula pada Ahad mengikut garis panduan yang telah ditetapkan.

**PUTRAJAYA** - Taska Genius Perpaduan memulakan operasi secara berperingkat bermula pada Ahad mengikut garis panduan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dikeluarkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) serta Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Kementerian Perpaduan Negara dalam satu kenyataan pada Ahad berkata, tarikh permulaan operasi itu adalah serentak dengan tarikh pembukaan taman asuhan kanak-kanak di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) di negeri serta daerah masing-masing.

Menurut kenyataan itu,

operasi Taska Genius Perpaduan di Kedah, Johor, Terengganu dan Kelantan mula beroperasi pada Ahad.

Sementara itu, bagi yang beroperasi di Perlis, Pulau Pinang, Perak, Melaka, Pahang, Sabah, Sarawak dan daerah Jempol, Negeri Sembilan, ia akan kembali dibuka pada Isnin.

“Bagi Labuan, ia akan mula beroperasi pada 11 Januari, manakala Taska Genius Perpaduan Negara di Selangor, Kuala Lumpur dan daerah Seremban, Negeri Sembilan akan bermula pada 15 Januari.

“Setiap guru hendaklah menjalani ujian Covid-19 sebelum dibenarkan ke Taska Genius Perpaduan seperti yang diarahkan KKM,” menurut kenyataan tersebut.

## KETERANGAN AKHBAR

**KERATAN BERTARIKH:** 4 JANUARI 2021

**HARI :** ISNIN

**RUANGAN:** NASIONAL

**HALAMAN:** 13